

PM: Lawatan ke Sarawak seperti balik kampung sendiri

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin sangat menghargai apabila Gabungan Parti Sarawak (GPS) berikrar memberi sokongan padu kepadanya sebagai Perdana Menteri.

Menurut Perdana Menteri, sokongan itu disampaikan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

“Lawatan ini amat istimewa. Hati saya tersentuh apabila Ketua Menteri berkata GPS akan terus memberi sokongan padu kepada saya sebagai Perdana Menteri,” kata Muhyiddin ketika berucap pada Program Perjumpaan Masyarakat Samarahan di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak semalam.

Menyentuh lawatan ke negeri itu, Muhyiddin berkata, ada perasaan luar biasa ketika lawatan kerjanya kali ini kerana ia seperti ‘balik ke kampung halaman sendiri’.

Sehubungan itu, beliau mengesakan rakyat Sarawak meneruskan sokongan mereka kepada kerajaan Persekutuan sedia ada bagi membolehkannya terus mem-



MUHYIDDIN Yassin bertanya khabar kepada Aris Johari ketika menziarah warga emas itu pada Program Ziarah Prihatin di Kampung Sindang, Kota Samarahan semalam. - IHSAN JABATAN PENERANGAN SARAWAK

bantu negeri tersebut untuk mencapai wawasan menjadi sebuah negeri maju pada 2030.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bersedia berbelanja besar bagi menangani penularan pandemik Covid-19 yang mula melanda negara tahun lalu demi menyelamatkan nyawa rakyat

dan ekonomi negara.

Kata beliau, langkah menangani pandemik masih menjadi cabaran besar kerajaan kerana ia membabitkan soal nyawa selain menjejaskan ekonomi sehingga kerajaan terpaksa berbelanja besar membeli ubat-ubatan dan memastikan katil hospital men-

cukupi selain perlu menambah bilangan doktor dan jururawat.

Selain itu, Muhyiddin berkata, kerajaan juga sudah membuat tempahan vaksin dalam kuantiti yang besar kerana tidak mahu mengambil mudah nyawa rakyat.

“Saya gembira vaksinasi di Sarawak berjalan baik,” katanya.